

06 SEP 1998

Komanwel-Angkat Berat (Gelanggang)

PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA MINES BERSIAP UNTUK ANGKAT BERAT

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Anggota sukarelawan Sukan Komanwel Kuala Lumpur (Nadi) di gelanggang angkat berat, Pusat Pamiran Antarabangsa Mines di sini, tidak membuang masa menyiapkan gelanggang bagi acara tersebut selepas Expo Malbex '98 selama empat hari di tempat yang sama berakhir Jumaat lalu.

"Kami mahu gelanggang ini menjadi yang terbaik untuk acara angkat berat di Sukan Komanwel setakat ini," kata pengurus sukan bagi angkat berat Lt Kdr (B) Kamaruzaman Kadir hari ini.

Beliau berkata delegasi teknikal daripada Persekutuan Angkat Berat Antarabangsa baru-baru mengiktiraf gelanggang tersebut sebagai amat sesuai untuk acara angkat berat, dan kini kami mahu ia menjadi gelanggang terbaik untuk acara angkat berat dalam sejarah Sukan Komanwel.

Katanya para kontraktor bagi Expo Pembinaan Antarabangsa Malaysia ke-15 (Malbex '98) kelmarin menanggalkan gerai-gerai yang digunakan untuk expo tersebut, dan sukarelawan Nadi hari ini telah bersedia untuk menyiapkan pusat itu bagi acara angkat berat.

Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam acara angkat berat diberikan kebenaran melawat gelanggang tersebut tidak lama lagi untuk menyesuaikan diri sebelum acara berkenaan bermula pada 16 hingga 19 September, katanya.

"Bagaimapun, pasukan-pasukan berkenaan tidak dibenarkan berlatih di gelanggang tersebut," tambah beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga dijadualkan melawat gelanggang tersebut minggu depan.

-- BERNAMA

AZ AO